

# Pemikiran Asas Berkaitan Islam dan Penuaan<sup>1</sup>

Muhammad Haniff Hassan (Ph.D)  
Zamil  
Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam  
Universiti Teknologi Nanyang Singapura  
[www.haniff.sg](http://www.haniff.sg) | [ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg)

---

## Ringkasan Eksekutif

---

1. Islam memberi perhatian dan mengambil berat tentang isu penuaan dengan menyebutnya di dalam beberapa ayat Al-Quran untuk menarik perhatian Muslim, menjaga kebajikan warga tua dengan memberi hak yang wajib ditunaikan oleh orang lain kepada mereka dan mengingatkan Muslim akan perkara-perkara penting yang wajib mereka pastikan apabila menjangkau usia tua demi mencapai kebahagiaan hidup selepas mati yang semakin dekat bagi golongan seperti mereka.
2. Islam anjurkan Muslim bersikap positif terhadap penuaan, walau pun ia datang dengan pelbagai cabaran dan risiko.
3. Islam anjurkan Muslim bersikap proaktif dalam menghadapi penuaan dengan membuat perancangan bagi meminimakan risiko dan mengurusnya dengan baik dan berkesan, bukan sikap pasif dan berserah pada keadaan.
4. Institusi masjid memikul tanggungjawab untuk menangani isu penuaan (menjaga kebajikan warga tua) bagi memenuhi fardu kifayah (kewajipan kolektif) masyarakat Islam, sebagai tambahan ke atas tanggungjawab individu warga tua sendiri, keluarganya dan negara.
5. Dalam perancangan bagi menangani penuaan, aspek-aspek yang perlu diberi perhatian ialah kerohanian, kesihatan dan ekonomi warga tua.

---

<sup>1</sup>Kertas ini disiapkan atas permintaan dari Masjid Darussalam bagi menjadi dasar bagi perancangan dan pelaksanaan program-program bagi warga tua Muslim di kawasan perumahan sekitar masjid secara khusus dan di daerah-daerah lain di Singapura secara umum. Ia diterbitkan dalam dua bahagian di Muhammad Haniff Hassan (2019), “Islam dan Penuaan (Bahagian 1): Pemikiran Asas”, *Wasat*, no 26, April, [https://blog.pergas.org.sg/cpt\\_wasat/islam-dan-penuaan-bahagian-1-pemikiran-asas/](https://blog.pergas.org.sg/cpt_wasat/islam-dan-penuaan-bahagian-1-pemikiran-asas/) (21 Mei 2019) dan Muhammad Haniff Hassan (2019), “Islam dan Penuaan (Bahagian 2): Perancangan dan Pengurusan”, *Wasat*, no 26, April, [https://blog.pergas.org.sg/cpt\\_wasat/islam-dan-penuaan-bahagian-2-perancangan-dan-pengurusan/](https://blog.pergas.org.sg/cpt_wasat/islam-dan-penuaan-bahagian-2-perancangan-dan-pengurusan/) (21 Mei 2019).

## Pengenalan

Salah satu cabaran sosial yang bakal dihadapi oleh masyarakat Singapura di masa akan datang ialah menangani penuaan rakyatnya.

Hal ini dinyatakan oleh pemerintah sendiri berdasarkan data penduduk yang dikumpulkan. Data ini menunjukkan bahawa jumlah rakyat Singapura yang berada di usia tua akan bertambah dari era sebelum ini sebagai akibat dari penurunan kadar kelahiran dan peningkatan jangka hayat individu kerana kemajuan dalam banyak aspek kehidupan selama beberapa dekad yang lalu.<sup>2</sup>

Fenomena penuaan bukan sesuatu yang baru bagi Singapura kerana ia adalah sesuatu yang tabi'ii yang berlaku sepanjang masa. Namun peningkatan signifikan kadar penuaan di kalangan rakyat Singapura memberi cabaran baru. Jika tidak ditangani dengan baik, ia boleh menimbulkan pelbagai masalah yang antaranya akan menjejaskan warga tua seperti pengabaian kebajikan mereka yang sebelum ini telah memberi sumbangan kepada kemajuan Singapura. Ini bukan hanya situasi yang tidak adil bagi mereka kerana penjagaan kebajikan mereka adalah hak asasi mereka sebagai rakyat. Selain itu, tiada seorang rakyat pun yang patut dilayan seperti “habis madu sepah dibuang”.

Jika pengabaian terhadap nasib warga tua wujud secara berleluasa kerana kecuaiannya dalam membuat perancangan yang sepatutnya, ia, bukan hanya akan menjejaskan moral warga tua, tapi juga rakyat yang lain. Rakyat akan merasa kerja keras pada hari ini tidak berguna kerana kebajikan mereka bakal terabai apabila sumbangan mereka kepada ekonomi negara telah tiada disebabkan usia tua.

Masyarakat Muslim Singapura tidak terkecuali dari menghadapi masalah penuaan di masa akan datang kerana ia juga mengalami penurunan kadar kelahiran dan peningkatan jangka hayat.

Atas dasar ini, masyarakat Muslim Singapura perlu berinisiatif untuk menangani masalah ini juga, bagi melengkapi usaha-usaha pemerintah.

Maka memahami perspektif agama Islam berkaitan isu penuaan menjadi penting kerana;

- segolongan masyarakat Muslim pasti ingin tahu panduan dan sikap Islam dalam isu penuaan bagi menanganinya di peringkat individu atau menyumbang dalam program kemasyarakatan
- perspektif agama boleh menjadi sumber yang positif bagi menangani isu ini
- membantu merangka apa jua inisiatif berkaitan isu penuaan sesuai dengan nilai-nilai pegangan masyarakat Muslim Singapura kerana pengaruh Islam yang kuat terhadap kehidupan mereka

---

<sup>2</sup>Lihat Population Trends: Facts and Figures on Singapore's Population in 2016, *population.sg*, di <https://www.population.sg/population-trends/demographics> (23 September 2018).

- mengukuhkan pegangan masyarakat Muslim terhadap agama Islam dengan menjadikannya relevan bagi cabaran semasa hidup mereka
- institusi agama Islam seperti masjid, madrasah dan asatizah dapat dimanfaatkan bagi menangani isu penuaan dalam masyarakat Muslim yang akan turut menyumbang di peringkat nasional.

Islam diwahyukan oleh Allah taala melalui rantaian para Nabi untuk menjadi panduan bagi kehidupan manusia. Kehidupan di sini merujuk kepada segala aspeknya dan bukan terbatas pada soal akidah dan ritual sahaja.<sup>3</sup>

Di sisi Al-Quran juga, kitab suci umat Islam, Islam disifatkan sebagai agama fitrah (semula jadi, tabi'ii) bagi manusia.<sup>4</sup>

Sebagai panduan hidup dan fitrah bagi manusia, Islam pastinya mempunyai panduan asasi berkaitan penuaan sebagai satu fenomena alami dalam jangka hayat manusia; apakah sikap yang dianjurkan oleh Muslim terhadap penuaan? bagaimanakah Muslim berhadapan dengan penuaan di peringkat peribadi dan masyarakat? apakah objektif yang perlu dicapai dari fasa kehidupan tua seorang Muslim?

Artikel ini ditulis bagi meneroka idea asas Islam, bukan sikap komprehensif Islam, dalam isu penuaan dengan tujuan untuk meletakkan asas yang betul bagi individu dan institusi masyarakat Muslim dalam merangka inisiatif bagi menghadapi cabaran penuaan.

Apa yang dilakukan ini pula bukanlah sesuatu yang baru. Ia hanyalah penerusan pada tradisi para ulama sejak zaman dahulu hingga hari ini dan kesinambungan dalam tradisi ilmu yang telah ada sekian lama.

Perhatian mengenai warga tua dan kehidupan di masa tua ditunjukkan oleh para ulama silam, antaranya, dengan mendedikasikan bab-bab khusus berkaitannya. Sebagai contoh Al-Bukhari membuat tiga bab dalam bukunya *Al-Adab Al-Mufrad* berkaitan usia tua; *Bab Al-Kabir (Bab Orang Tua)*, *Bab Fadl Al-Kabir (Bab Kelebihan Orang Tua)* dan *Bab Yubda' Al-Akbar Bi Al-Kalam Wa Al-Sual (Bab Memulakan Orang Tua Bercakap dan Menyoal)*.<sup>5</sup>

Selain itu, sesetengah ulama menulis buku-buku khusus berkaitan dengan usia tua sebagai panduan Muslim. Antaranya, sebagai contoh, ialah:<sup>6</sup>

- *Uyun Al-Akhbar*, oleh Ibn Qutaybah Al-Dinawari

---

<sup>3</sup>Lihat tafsir bagi Ali Imran: 19 dan Ali Imran: 85.

<sup>4</sup>Lihat tafsir bagi Al-Rum: 30

<sup>5</sup>Benouda Bensaid and Fadila Grine (2014), "Old Age and Elderly Care: An Islamic Perspective", *Cultura: International of Journal of Philosophy of Culture and Axiology*, 11:1, ms. 141-2

<sup>6</sup>Ibid, ms. 142.

- *Al-Khidab*, oleh Ibn Abi `Asim
- *Al-Shib Wa Al-Khidab*, oleh Ibn Abi Al-Dunya Al-Isbahani
- *Al-Shib Wa Al-Khidab*, oleh Ibn Al-`Arabi
- *Al-Khidab*, oleh Ibn `Asakir
- *Al-Shib Wa Al-Khidab*, oleh Ibn Al-Jawzi
- *Bahr Al-Jawahir*, oleh Muhammad bin Yusuf

Usaha ini diteruskan pula oleh para ulama dan pemikir masa kini dan antara karya-karya yang boleh dijadikan rujukan ialah:

- *Qadiyyat Al-Musinnin Wa Ahkamuhum Al-Khassah Fi Al-Fiqh Al-Islami*, oleh Sa`ad Al-Din Al-Hilali<sup>7</sup>
- *Ri`ayat Al-Musinnin Fi Al-Islam*, oleh `Abd Allah bin Nasir Al-Sadhan<sup>8</sup>
- *Huquq Al-Shuyukh Wa Al-Musinnin Fi Daw' Al-Shari`ah Al-Islamiyah*, oleh Yusuf Al-Qaradawi<sup>9</sup>
- *Huquq Kibar Al-Sin Fi Al-Islam*, oleh `Abd Al-Razzaq `Abd Al-Muhsin Al-Badr<sup>10</sup>
- *Islam and the Health of Elderly*, oleh Hakim Mohammed Said<sup>11</sup>
- *Old Age and Elderly Care: An Islamic Perspective*, oleh Benouda Bensaïd and Fadila Grine<sup>12</sup>
- *A Model of Spirituality for Ageing Muslims*, oleh Mahjabeen Ahmad dan Shamsul Khan<sup>13</sup>
- *Muslim Aged Care*, oleh Mahjabeen Ahmad<sup>14</sup>

---

<sup>7</sup>Lihat Sa`ad Al-Din Al-Hilali (2002), *Qadiyyat Al-Musinnin Wa Ahkamuhum Al-Khassah Fi Al-Fiqh Al-Islami*, Kuwait: Jami`at Al-Kuwait.

<sup>8</sup>Lihat `Abd Allah bin Nasir Al-Sadhan (1999), "Ri`ayat Al-Musinnin Fi Al-Islam", *Majallat Al-Shari`ah*, no. 33.

<sup>9</sup>Lihat Yusuf Al-Qaradawi (2009), *Huquq Al-Shuyukh Wa Al-Musinnin Fi Daw' Al-Shari`ah Al-Islamiyah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

<sup>10</sup>Lihat `Abd Al-Razzaq `Abd Al-Muhsin Al-Badr (2011), *Huquq Kibar Al-Sin Fi Al-Islam*, Riyad: Maktabat Al-Malik Fahd Al-Wataniyah.

<sup>11</sup>Lihat Hakim Mohammed Said (1989), "Islam and the Health of Elderly", *Journal of Religion & Aging*, 4:3-4.

<sup>12</sup>Lihat Benouda Bensaïd and Fadila Grine (2014), "Old Age and Elderly Care: An Islamic Perspective", *Cultura: International of Journal of Philosophy of Culture and Axiology*, 11:1.

<sup>13</sup>Lihat Mahjabeen Ahmad dan Shamsul Khan (2016), "A Model of Spirituality for Ageing Muslims", *Journal of Religious Health*, 55:3.

<sup>14</sup>Lihat Mahjabeen Ahmad (2017), *Muslim Aged Care*, South Australia: ACH Group.

Segala yang dinyatakan di atas merupakan khazanah yang telah sedia ada untuk dimanfaatkan bagi sesiapa yang berminat untuk mendalami isu ini, merangka polisi, melakar perancangan atau melaksanakan program-program bagi menangani cabaran penuaan di kalangan masyarakat Muslim, dari kaca mata Islam.

Artikel ini juga merupakan kesinambungan dari usaha-usaha lepas dan hanyalah satu sumbangan kecil bagi isu yang dibicarakan.

Namun diharapkan ia bermanfaat bagi yang berminat mengenai isu penuaan dan diterima sebagai amal soleh di sisi Allah taala.

### **Penuaan dalam Islam**

Sememangnya soal penuaan memang disebut dalam Al-Quran dan hadith yang darinya dapat dirumuskan pelbagai pengajaran, bimbingan, petunjuk dan hukum Islam untuk manusia berkaitan pelbagai aspek penuaan.

Al-Quran mengandungi banyak ayat yang membicarakan tentang penuaan. Antara perkara penting yang disebut dalam Al-Quran sebagai asas pemikiran bagi menangani isu penuaan di kalangan Muslim ialah:

- penuaan adalah satu fenomena alami dan sebahagian dari tahap-tahap kehidupan manusia sebelum ia berakhir dengan kematian, namun tidak semua manusia akan melalui fasa tua disebabkan ajalnya datang lebih awal
- penuaan membawa perubahan pada manusia, iaitu kemerosotan pada kekuatan dan fungsi tubuh, penampilan dan intelek
- kepentingan sikap perihatin dan ambil berat akan fasa usia tua yang akan menjelang dan sekali gus memikirkan tentang langkah persediaan
- penuaan dikaitkan dengan peringatan tentang kematian yang pasti datang pada manusia sebagai permulaan bagi hidup di alam, yang walau pun hanya bersifat peralihan, tetapi petunjuk samada seseorang itu akan bahagain di syurga atau celaka di neraka di Akhirat nanti.

Terdapat lima ayat Al-Quran yang memberitahu bahawa penuaan adalah satu fasa *tabi`ii* dalam kehidupan manusia. Allah taala berfirman;

- “Dia-lah yang menciptakan kamu dari tanah kemudian dari setetes, air mani, sesudah itu dari segumpal darah, kemudian dilahirkannya kamu sebagai seorang anak, kemudian (kamu dibiarkan hidup) supaya kamu sampai kepada masa (dewasa), **kemudian (dibiarkan kamu hidup lagi) sampai tua, di antara kamu ada yang diwafatkan sebelum itu. (Kami perbuat demikian) supaya kamu sampai kepada ajal yang ditentukan dan supaya kamu memahami (nya).**” (Ghafir: 67)
- “Allah, Dialah yang menciptakan kamu dari keadaan lemah, kemudian Dia menjadikan (kamu) sesudah keadaan lemah itu menjadi kuat, **kemudian Dia menjadikan (kamu)**

**sesudah kuat itu lemah (kembali) dan beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya dan Dialah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.”** (Al-Rum: 54)

- “Hai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setetes mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian (dengan berangsur-angsur) kamu sampailah kepada kedewasaan, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan (ada pula) **di antara kamu yang dipanjangkan umurnya sampai pikun, supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang dahulunya telah diketahuinya.** Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai macam tumbuh-tumbuhan yang indah.” (Al-Haj: 5)
- “Allah menciptakan kamu, kemudian mewafatkan kamu; dan di antara kamu ada yang **dikembalikan kepada umur yang paling lemah (pikun), supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatu pun yang pernah diketahuinya.** Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.” (Al-Nahl: 70)

Adapun ayat-ayat Al-Quran yang memberi petunjuk akan perubahan-perubahan manusia di usia tua ialah:

- perubahan penampilan dalam bentuk rambut beruban dalam firman Allah taala dalam Al-Rum: 54 yang telah disebut di atas dan ayat,

“Ia [Zakaria] berkata: Ya Tuhanku, **sesungguhnya tulangku telah lemah dan kepalaku telah ditumbuhi uban,** dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada Engkau, ya Tuhanku.” (Maryam: 4)

- kemerosotan pada kekuatan dan tenaga pada tubuh badan sebagaimana yang disebut dalam firman Allah taala dalam Al-Rum: 54, Al-Haj: 5 dan Al-Nahl: 70.

Manakala firman Allah taala dalam Maryam: 4 pula menyebut secara khusus tentang sakit pada tulang disebabkan kemerosotan pada kekuatannya.

- kemerosotan pada daya intelek dan ingatan hingga ke peringkat demensia dan nyanyuk sebagaimana yang disebut Al-Haj: 5, Al-Nahl: 70 dan ayat,

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. **Kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya.**” (Al-Tin: 5-6)

Sebahagian ulama mentafsirkan Al-Tin: 6 dengan maksud peringkat usia tua yang lanjut

di mana seseorang itu berada dalam keadaan yang hilang ingatan kerana demensia, nyanyuk dan lemah, iaitu terbaring di katil, tidak mampu urus diri sendiri dan bergantung pada orang lain untuk mengurus dirinya seperti bayi kecil, sedangkan semasa mudanya ia seorang yang kacak/cantik, kuat dan pandai.

- kemerosotan pada kesuburan untuk mendapat zuriat sebagaimana disebut dalam firman Allah taala,

“Zakaria berkata: Ya Tuhanku, bagaimana akan ada anak bagiku, padahal istriku adalah seorang yang mandul dan **aku (sendiri) sesungguhnya sudah mencapai umur yang sangat tua.**” (Maryam: 9)

“Istrinya [Ibrahim] berkata: Sungguh mengherankan, apakah aku akan melahirkan anak padahal aku adalah **seorang perempuan tua, dan ini suamiku pun dalam keadaan yang sudah tua** pula? Sesungguhnya ini benar-benar suatu yang sangat aneh.” (Hud: 72)

Hakikatnya manusia tidak memerlukan ayat Al-Quran untuk mengetahui tentang penuaan dan kesannya pada diri manusia sebagai satu fenomena tabi`ii kerana ia adalah satu hakikat yang dapat dilihat dan alami oleh manusia. Ia juga dengan dapatan sains. Namun, sebutannya dalam Al-Quran mempunyai signifikan tersendiri, iaitu pemberitahuan kepada bahawa Islam memberi perhatian akan persoalan ini dan menuntut Muslim agar turut berfikir dan mengambil perhatian tentangnya. Hal ini disokong oleh firman Allah taala yang meletakkan usia 40 tahun sebagai masa kritikal untuk seorang Muslim melakukan refleksi akan masa lalunya dan masa akan datang iaitu masa tua. Allah taala berfirman,

“...**sehingga apabila dia telah dewasa dan umurnya sampai empat puluh tahun** ia berdoa: Ya Tuhanku, tunjukilah aku untuk mensyukuri nikmat Engkau yang telah Engkau berikan kepadaku dan kepada ibu bapakku dan supaya aku dapat berbuat amal yang saleh yang Engkau ridai; berilah kebaikan kepadaku dengan (memberi kebaikan) kepada anak cucuku. Sesungguhnya aku bertobat kepada Engkau dan sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri.” (Al-Ahqaf: 15)

Usia 40 tahun sebagai stesyen kehidupan dipilih kerana umumnya ia dianggap sebagai pemisah antara usia muda dan usia tua. Namun, sama penting dengan refleksi diri ialah anjuran ke atas Muslim untuk mengambil langkah-langkah persiapan bagi menghadapi fasa baru, pasca usia 40 tahun sebagai permulaan bagi usia tua, baik di peringkat individu atau masyarakat dan tidak bersikap sambil lewa serta menyerahkan pada keadaan semata-mata. Hal ini akan disokong oleh beberapa hadis yang akan dibicarakan di bawah nanti.

Kaitan penuaan dengan kematian jelas dalam Ghafir: 67 dan diperkuatkan oleh ayat sesudahnya, “**Dia-lah yang menghidupkan dan mematikan**, maka apabila Dia menetapkan sesuatu urusan, Dia hanya berkata kepadanya: Jadilah, maka jadilah ia.” (Ghafir: 68).

Perkara yang sama juga dapat dilihat pada ayat sesudah Al-Haj: 5, yang diperkuatkan dengan dua ayat sesudahnya yang mana Allah taala seolah-olah menuntut manusia berfikir tentang kematian dan Akhirat setelah berfikir tentang fasa-fasa kehidupan;

“Yang demikian itu, karena sesungguhnya Allah, Dialah yang hak dan sesungguhnya **Dialah yang menghidupkan segala yang mati** dan sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala suatu. **Dan sesungguhnya hari kiamat itu pastilah datang**, tak ada keraguan padanya; dan bahwasanya **Allah membangkitkan semua orang di dalam kubur.**” (Al-Haj: 6-7)

Dalam hal kaitan penuaan dengan kemerosotan pada kekuatan dan fungsi tubuh dan kematian, dua poin berikut perlu difahami bersama.

Pertama, Al-Quran memberi tahu, dalam Ghafir: 67 dan Al-Haj: 5, bahawa tidak semua manusia akan melalui fasa-fasa hidup yang dinyatakan dalam ayat-ayat itu. Sebahagian dari mereka akan mengalami kematian sebelum melalui fasa penuaan. Dengan kata lain, mati tidak hanya datang setelah usia tua dan dikalangan warga tua sahaja. Ia boleh datang kepada sesiapa tanpa kira di fasa kehidupan mana dia berada. Hal ini bermakna persiapan menghadapi kematian berbeza dengan persiapan menghadapi penuaan. Persiapan kematian menjangkau semua manusia tanpa kira usia, walau pun ia lebih pasti dan kritikal dalam persiapan bagi fasa penuaan.

Kedua, walau pun Al-Quran mengaitkan penuaan dengan demensia dan nyanyuk, realiti kehidupan dan sains menunjukkan bahawa tidak semua mereka yang mencapai usia lanjut mengalami keadaan ini sebelum menemui kematian.

Ada kalangan orang tua yang berusia tujuh puluh dan lapan puluh tahun tapi tidak mengalami kededua keadaan yang dinyatakan. Apa yang Al-Quran nyatakan ialah kededua keadaan itu sebagai perkara yang boleh berlaku apabila berada dalam usia tua, bukan sesuatu yang mesti berlaku.<sup>15</sup>

Kajian sains pula membantu untuk memahami pandangan Al-Quran ini bahawa berlakunya kededua keadaan itu bergantung pada pelbagai faktor dan faktor-faktor ini boleh ditangani bagi mengelakkan, merawat, mencegah atau meminimakan risiko demensia, nyanyuk dan segala simptom penuaan yang telah diketahui.

Gabungan dari pernyataan Al-Quran, dapatan sains dan realiti kehidupan memberi kefahaman bahawa penuaan adalah sesuatu yang pasti berlaku tapi kadar keseriusan kemerosotan tenaga dan fungsi tubuh boleh diurus dengan baik sehingga dapat dielak atau diminimakan.<sup>16</sup> Poin ini akan disokong pula oleh beberapa hadis yang akan dibicarakan

<sup>15</sup>Bensaid and Grine (2014), ms. 143-6

<sup>16</sup>Mohd Amzari Tumiran, et. al. (2018), “Senile Dementia from Neuroscientific and Islamic Perspectives”, *Journal of Religion and Health*, 57:1, ms. 5-7.



nanti berkaitan anjuran Islam untuk merancang dan mengurus usia tua yang meliputi soal mencegah dan meminimalkan kemerosotan kualiti kehidupan dan bukan bersikap pasif atau berserah pada keadaan semata-mata.

Kajian terhadap hadis menunjukkan Rasulullah s.a.w juga mahu Muslim memberi perhatian terhadap penuaan dengan menjelaskan sikap yang betul terhadap usia tua, perkara yang perlu diberi perhatian oleh individu apabila memasuki usia tua dan peranan individu dan masyarakat terhadap warga tua dan langkah.

Dari sudut sikap, Rasulullah mengajar Muslim agar bersikap positif apabila memasuki usia tua, walau pun kemerosotan kualiti hidup di usia berkenaan adalah sesuatu yang tabi'ii sebagaimana yang disebutkan dalam Al-Quran juga.

Antara sikap positif yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w ialah usia yang panjang adalah;

- usia panjang petanda keberkatan hidup dan membawa keberkatan pada kehidupan.<sup>17</sup>

Rasulullah s.a.w bersabda, “**Keberkatan itu bersama warga tua kamu.**” (Riwayat Ibn Hibban)

Di dalam hadis lain, disebutkan sabda beliau s.a.w berbunyi, “**Kebaikan itu bersama warga tua kamu.**” (Riwayat Al-Bazzar)

- usia panjang adalah pintu bagi menggandakan amal dan memperoleh kedudukan yang lebih dekat kepada Allah taala<sup>18</sup>

Apabila ditanya mengenai siapakah manusia yang paling baik, Rasulullah s.a.w menjawab, “**Seorang yang panjang umurnya dan baik amalannya pula.**” (Riwayat Al-Turmuzi)

“Tidak ada seorangpun yang lebih utama di sisi Allah daripada **seorang Mukmin yang diberi umur panjang dalam agama Islam untuk bertasbih, bertakbir, dan bertahlil untukNya.**” (Riwayat Ahmad dan Abu Ya'la)

- usia panjang memberi kemuliaan dan hak penghormatan dalam masyarakat<sup>19</sup>

Rasulullah s.a.w bersabda,

“**Uban adalah cahaya bagi seorang mukmin.** Tidaklah seseorang beruban, walau hanya sehelai, kecuali **setiap ubannya akan dihitung sebagai kebaikan yang akan meninggikan darjatnya.**” (Riwayat Al-Baihaqi)

---

<sup>17</sup>Al-Sadhan (1999), ms.17-21; Bensaïd and Grine (2014), ms. 146-9.

<sup>18</sup>Ibid; Ibid.

<sup>19</sup>Ibid, ms. 32-3; Ibid, 148-55.

“Bukan dari kalangan kami, sesiapa yang tidak menyayangi yang muda **dan tidak menghormati yang dari tua kami.**” (Riwayat Al-Bukhari)

“Termasuk dalam memuliakan keagongan Allah ialah **memuliakan orang tua Muslim**, menghafaz Al-Quran yang tidak berlebihan dan mencuaikannya, dan pengauasa yang adil.” (Riwayat Abu Dawud)

Berkaitan dengan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian bagi mereka yang akan memasuki usi tua, Rasulullah mengingatkan bahawa memasuki usia tua yang diiringi dengan kelemahan tubuh badan dan risiko alami pelbagai penyakit tidak melepaskan Muslim dari tanggungjawab berbudiyah kepada Allah taala (melaksanakan perintah yang diwajibkan dan meninggalkan apa yang diharamkan), sebagaimana firman Allah taala, “Dan **tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepadaKu.**” (Al-Zariyat: 56).

Tanggungjawab ini mestilah diteruskan hingga ke akhir hayat sebagaimana formam Allah taala, “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepada-Nya dan **janganlah kamu mati kecuali dalam keadaan Muslim.**” (Ali Imran: 102).<sup>20</sup>

Kelemahan pada usia tua tidak boleh dijadikan alasan untuk berhenti dari menunaikan ubudiyah. Apa yang dibenarkan ialah mengambil *rukhsah* (keringanan) yang sah di sisi syariah seperti solat duduk atau baring, tidak berpuasa apabila telah hilang upaya untuk melakukannya dan digantikan dengan fidyah dan mewakilkan orang lain melakukan haji untuk diri, bukan berhenti dari beribadah kepada Tuhan.<sup>21</sup>

Rasulullah s.a.w juga mengingatkan agar Muslim melakukan introspeksi diri apabila memasuki usia tua. Melalui introspeksi ini, Muslim kenal pasti kesilapan dan kelemahan yang ada pada dirinya lalu bertaubat dan berusaha pula untuk mengubah ke keadaan yang lebih baik. Jika tidak, seorang Muslim itu berisiko untuk jatuh dalam keadaan yang mana peluang untuk berubah dan meninggalkan dosa ditutup sehingga akhirnya dia menemui kematian dalam keadaan yang tercela. Walaupun introspeksi dan taubat bukan sesuatu yang khusus bagi warga tua, tapi ia lebih dipertekankan kepada mereka oleh Rasulullah s.a.w kerana kematian lebih pasti dan dekat bagi golongan ini. Sebab itulah amaran keras juga diberikan kepada mereka yang terus dalam kelalaian kerana, setelah peluang yang banyak diberi melalui usia yang panjang, mereka masih lagi tidak sedar diri dan hidup dalam

<sup>20</sup>Mahjabeen Ahmad and Shamsul Khan (2016), “A Model of Sprituality for Ageing Muslims”, *Journal of Religion and Health*, 55:3; Sa`id (1989), ms. 27-8; Bensaïd and Grine (2014), ms. 143.

<sup>21</sup>Lihat Al-Hilali (2002); Hibah Madhat Raghîb Al-Dalw (2009), *Ahkam Al-Musinnin Fi Fiqh Al-`Ibadat: Dirasah Fiqhiyah Muqaranah*, Gaza: Al-Jamî`ah Al-Islamiyah; Haifa` Muhammad Al-Zubaidi (2012), “Ri`ayat Al-Musinnin Fi Al-Tashri` Al-Islami”, *Majallat Kulliyat Al-Tarbiyah Al-Islamiyah*, no. 75; Bensaïd and Grine (2014), ms. 155-7.

kelalaian. Sebagai contoh ialah sabda Rasulullah s.a.w berkaitan mereka yang telah menjangkau umur 60 tahun, **“Allah memberi uzur kepada seseorang yang Dia akhirkkan ajalnya, hingga sampai usia 60 tahun.”** (Riwayat Al-Bukhari)

Ibn Abbas mengaitkan hadis ini dengan firman Allah taala, “Bukankah Kami telah melanjutkan umur kamu sehingga sempat utk beringat bagi sesiapa yang mahu beringat.” (Fatir: 37) dengan berkata, “Umur yg Allah tidak lagi menerima alasan bagi anak Adam dalam firmanNya ini ialah 60 tahun.”<sup>22</sup>

Al-Khattabi pula berkata, “Orang yg Allah panjangkan umur sehingga 60 tahun, tidak diterima lagi keuzuran (alasan). Hal ini kerana umur 60 tahun merupakan umur yg dekat dengan kematian, umur kembali bertaubat, khusyuk dan bersiap2 bertemu Allah.”<sup>23</sup>

Rasulullah s.a.w juga melalui pelbagai hadis meletakkan hak bagi warga tua yang perlu ditunaikan oleh Muslim baik secara individu atau kolektif atau masyarakat, iaitu:

- hak untuk dihormati
- hak untuk dibela nasib dan dijaga kebajikannya disebabkan keadaan diri yang sudah lemah atau sakit atau keadaan ekonomi yang sempit kerana hilang upaya mencari rezeki atau ketiadaan simpanan yang memadai.<sup>24</sup>

Contoh hadis berkaitan ini telah disebutkan di atas.

Segala anjuran-anjuran ini memberi pengajaran bahawa soal penuaan dan kebajikan warga tua bukan soal peribadi atau individu yang berada dalam fasa hidup itu semata-mata. Mereka yang selain dari warga tua ada peranan dan kewajipan yang perlu ditunaikan terutama kepada warga tua yang tiada kemampuan untuk menjaga kebajikan diri sendiri. Hal ini akan dihuraikan lebih lagi di bawah nanti.

## **Perancangan dan pengurusan penuaan dalam Islam**

Walau pun penuaan adalah sesuatu yang tabi’ii dan tidak terelak bagi kehidupan manusia, Islam tidak menganjurkan sifat pasif dan berserah pada keadaan sahaja.

---

<sup>22</sup>Al-Qurtubi (online), *Al-Jami` Li Ahkam Al-Quran*, di <https://altafsir.com/Tafasir.asp?tMadhNo=1&tTafsirNo=5&tSoraNo=35&tAyahNo=37&tDisplay=yes&UserProfile=0&LanguageId=1> (23 September 2018).

<sup>23</sup>Ibid.

<sup>24</sup>Raudlotul Firdaus Fatah Yasin, Ali Asaa Ali Mubaraak dan Mohd Shah Jani (2016), “Ri`ayat Al-Musinnin Fi Manzur Al-Quran Wa Al-Sunnah Dirasah Mu`asarah”, *Global Journal Al-Thaqafah*, 6:1; Al-Zubaidi (2012); Al-Sadhan (1999).

Terdapat banyak bukti bahawa Islam anjurkan Muslim untuk bersikap pro-aktif melakukan persiapan bagi menghadapi apa jua fasa-fasa kehidupan melalui perancangan yang baik sebelum kehadiran fasa itu dan pengurusan hidup yang rapi apabila melalui fasa itu. Anjuran itu ditujukan kepada Muslim sebagai individu dan masyarakat secara kolektif kerana masyarakat Muslim secara kolektif memikul amanah untuk memelihara kebajikan ahli-ahlinya.

Secara umumnya, Muslim dianjurkan untuk sentiasa berfikir tentang nasib dan keadaan hidupnya di masa hadapan. Hal ini boleh difahami dari firman Allah taala,

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan **hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat)**, dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (Al-Hashr: 18)

Walaupun ayat ini berbicara mengenai persiapan bagi kehidupan Akhirat, namun semangat dan maksud dari anjuran ini juga meliputi soal perancangan dan persiapan bagi hidup di masa hadapan dalam kehidupan ini.

Maksud sebegini disokong oleh kemahiran membuat “bacaan” terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku dan takwil mimpi yang diberikan oleh Allah taala kepada nabi Yusuf.<sup>25</sup> Melalui kemahiran ini unjuran tentang masa hadapan dapat dibuat dan langkah-langkah yang perlu diambil dapat dirancang dengan baik.

Perkara ini secara khusus dicontohkan dalam peristiwa mimpi raja Mesir yang ditafsirkan oleh nabi Yusuf sebagai petanda akan berlaku kemarau selama beberapa tahun dan langkah-langkah yang perlu diambil.<sup>26</sup>

Allah taala mewahyukan kepada nabi Yusuf bukan hanya tentang musibah yang bakal berlaku tetapi juga langkah-langkah yang perlu diambil. Pemberitahuan langkah-langkah bagi menghadapi musibah ini memberi pengajaran tentang persiapan dan pengurusan sebelum dan ketika krisis berlaku.<sup>27</sup> Sesuatu keadaan yang tidak terelak dari berlaku, bukan bermakna tidak perlu berusaha untuk menangani risiko, mencegah kesan buruk atau, paling kurang, meminimalkan kesan buruk dari keadaan yang akan berlaku.

Dalam kisah ini, nabi Yusuf menawarkan kepada raja Mesir untuk menjadi pengurus perbendaharaan kerajaannya bagi membantu melaksanakan langkah-langkah persiapan bagi menghadapi musibah kemarau selama 7 tahun.<sup>28</sup> Usaha nabi Yusuf berjaya bukan hanya menyelamatkan negeri Mesir dari krisis tapi menjadikan ekonominya bertambah

---

<sup>25</sup>Lihat Yusuf: 6 dan 101.

<sup>26</sup>Lihat Yusuf: 43-55.

<sup>27</sup>Lihat Ibid.

<sup>28</sup>Lihat Ibid.

makmur kerana penduduk-penduduk di daerah lain yang terjejas datang berbondong ke Mesir untuk mendapatkan bekalan makanan.<sup>29</sup>

Kepentingan perancangan bagi masa depan yang baik dan bagi mengurus risiko dapat dilihat sejarah Nabi s.a.w dan banyak hadis sahih dari beliau.

Hijrah ke Madinah adalah satu contoh yang amat baik dan jelas akan kepentingan perancangan. Nabi s.a.w melakukannya dengan perancangan yang rapi dari soal pemilihan tempat hijrah, persediaan tempat sebelum berhijrah, pemilihan laluan perjalanan ke Madinah, pelaksanaan tugas-tugas sokongan dan lain-lain.<sup>30</sup>

Peperangan Nabi s.a.w juga penuh dengan contoh perancangan rapi seperti pemilihan tempat yang strategik semasa perang Badr, penempatan pasukan pemanah di lereng gunung bagi menjaga pasukannya dari serangan dari belakang semasa perang Uhud, penggalian parit di keliling Madinah semasa perang Khandaq dan pengutusan perisik bagi mendapatkan maklumat musuh dalam semua peperangan beliau.

Melalui kata-kata beliau s.a.w pula, terdapat hadis yang berbunyi,

“Manfaatkanlah lima perkara sebelum lima perkara, 1) **waktu mudamu sebelum datang waktu tuamu**, 2) waktu sehatmu sebelum datang waktu sakitmu, 3) masa kayamu sebelum datang masa kefakiranmu, 4) masa luangmu sebelum datang masa sibukmu, dan 5) hidupmu sebelum datang matimu.” (Riwayat Al-Hakim)

Termasuk dalam erti memanfaatkan lima perkara yang dinyatakan ialah menggunakannya sebagai persiapan bagi menghadapi lima perkara yang sebaliknya dan ini pada dasarnya adalah anjuran mengurus peluang yang ada bagi menghadapi kemungkinan negatif yang pasti akan berlaku dalam hidup. Perkara pertama yang disebut dalam hadis pula berkaitan langsung dengan isu yang dibicarakan, iaitu anjuran merancang bagi masa tua agar risiko yang datang bersama masa itu dapat dielak atau diminimakan.

Rasulullah s.a.w juga mengajar Muslim untuk berdoa agar dijauhi dari ditimpa oleh *arzal al-`umr* dan *al-haram* (usia tua yang lanjut yang umumnya diiringi dengan hilang ingatan dan nyanyuk dan lemah tubuh hingga terlantar sahaja),

“...**dan aku berlindung kepadaMu dari dikembalikan kepada *arzal al-`umr***...” (Riwayat Al-Bukhari)

---

<sup>29</sup>Lihat Ibid dan Muhammad Haniff Hassan (t. t.), *Islam dan Pengurusan Kewangan Diri*, di <http://haniff.sg/pautan/islam-pengurusan-kewangan-diri/> (23 September 2018).

<sup>30</sup>Muhammad Haniff Hassan (2000), “Jadikan Hijrah iktibar perjuangan menuju kemajuan”, *Berita Harian*, 23 April.

“**Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari** kelemahan, rasa malas, rasa takut, *al-haram*, dan sifat kikir. Dan aku juga berlindung kepada-Mu dari siksa kubur serta bencana kehidupan dan kematian.” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Doa ini amat signifikan dalam soal persiapan dan pengurusan usia tua. Dalam Islam, apabila ada anjuran berdoa untuk sesuatu perkara ia bukan bermaksud memanjatkan permintaan kepada Allah taala agar dikurniakan perkara itu sahaja tetapi terkandung juga di dalamnya anjuran berusaha untuk memperolehnya. Sebagai contoh, anjuran Rasulullah s.a.w agar Muslim berdoa dikurniakan rezeki yang halal, ia juga anjuran agar kita memastikan agar sumber rezeki yang kita cari adalah halal. Demikian juga anjuran beliau s.a.w dalam hadis di atas agar dijauhi dari kesedihan, ia adalah anjuran agar Muslim menjauhi hidupnya dari sumber-sumber yang boleh menjatuhkan diri dalam kesedihan dan membina keupayaan diri untuk tidak mudah bersedih dengan apa jua masalah yang berlaku dalam kehidupan. Dengan ini, doa bukan sesuatu yang menjadikan seseorang itu pasif atau berharap pada Tuhan sahaja untuk menunaikan hajatnya.

Berdasarkan kefahaman ini, anjuran berdoa agar dijauhi dari *arzal al-`umr* dan *al-haram* juga satu anjuran agar Muslim berusaha untuk menjauhi faktor-faktor yang boleh mengakibatkannya,

Doa ini juga memberitahu bahawa, walau usia tua tidak boleh dihalang kerana ia membabitkan soal ajal yang ketentuannya hanya di tangan Tuhan semata-mata, risiko-risikonya seperti kelemahan tubuh yang teruk, hilang ingatan dan nyanyuk, boleh dicegah atau diminimakan. Mencegah dan meminimalkannya pula adalah sesuatu yang dianjurkan agama, dan bukan petanda tidak redha dengan sunah alam ciptaan Tuhan atau cuba melawan takdir. Jika ia sesuatu yang tidak boleh dielakkan, tidaklah Rasulullah s.a.w anjurkan berdoa agar dijauhi darinya. Jika mencegah darinya pula tercela, tidak juga doa ini diajar oleh Rasulullah s.a.w agar diamalkan oleh Muslim, khususnya jika doa itu difahami sebagai anjuran untuk melakukan tindakan konkrit sebagaimana yang dinyatakan di atas, bukan hanya berharap dan berserah kepada Allah taala sahaja.

Berdasarkan segala yang dinyatakan di atas, persiapan dan pengurusan usia tua yang meliputi langkah-langkah mencegah dan meminimakan segala risiko yang berkaitan dengannya adalah sesuatu yang bukan hanya dibenarkan, tapi digalakkan oleh Islam. Oleh itu, Muslim dianjurkan agar bersikap proaktif dalam isu penuaan dan tidak berserah pada keadaan semata-mata atas nama tawakal kerana tawakal yang sebenar ialah berusaha dan juga berserah kepada Tuhan sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w, “**Ikatlah ia (unta), kemudian bertawakal.**” (Riwayat Al-Turmuzi)

### **Aspek penuaan yang perlu diberi perhatian**

Terdapat banyak aspek berkaitan warga tua yang perlu diberi perhatian. Sebahagian dari aspek-aspek ini dapat dikenalpasti melalui kajian-kajian sains sosial dan kemanusiaan yang boleh dirujuk pada mereka yang pakar dalam bidang ini.

Namun dari sudut keagamaan, tiga daerah agak menonjol dalam teks-teks Al-Quran dan hadis yang perlu diberi perhatian dalam soal persiapan dan pengurusan usia tua di kalangan Muslim.

Pertama ialah aspek kerohanian warga tua.<sup>31</sup> Aspek ini diberi perhatian oleh agama bagi kalangan warga tua melalui peringatan ke atas mereka untuk bertaubat dan lebih menjaga ibadah kerana Islam menetapkan tanggungjawab berbudiyah kepada Allah taala adalah tanggungjawab yang berterusan, bermula dari usia baligh dan berakhir hanya setelah kematian, sebagaimana yang telah dinyatakan di atas dan sabda Rasulullah s.a.w pula tentang manusia yang paling buruk, “**Orang yang panjang usianya, tapi buruk amalannya.**” (Riwayat Al-Turmuzi). Islam juga memberi perhatian besar terhadap aspek kerohanian warga tua kerana secara tabi’ii kematian di kalangan mereka lebih dekat dan pasti. Dengan ini, warga tua dapat terpelihara dari terus dalam kelalaian hidup dan mengakhiri hidup dalam keadaan *husnul khatimah* (pengakhiran hidup yang baik dan terpuji). Oleh itu, apa jua program-program yang mengisi perancangan usia tua haruslah mengandungi aspek pengisian kerohanian bagi Muslim dalam golongan ini. Di sinilah peranan badan-badan Islam dan masjid-masjid menjadi kritikal bagi menyempurnakan program-program yang disedia dan ditawarkan oleh agensi-agensi pemerintah yang biasanya bebas dari unsur-unsur keagamaan. Termasuk dalam perkara ini ialah bimbingan bagi warga tua bagaimana melaksanakan ibadah dalam keadaan diri yang semakin melemah dan sakit, agar semangat untuk beribadah yang disemai tidak pula menatijahkan kemudaratan diri kerana ketiadaan ilmu tentang keringanan-keringanan yang diberikan oleh Islam untuk mereka.

Kedua ialah aspek ekonomi.<sup>32</sup> Hal ini dapat dilihat dari perintah Allah taala ke atas Muslim untuk mendedekahkan sebahagian harta kepada saudara mara dan Muslim yang kurang berkemampuan. Ia adalah perintah untuk memberi perhatian pada sokongan ekonomi kepada warga tua yang kurang kemampuan untuk menyara hidup sendiri;

“...dan **berbuat baiklah kepada** ibubapa, **kaum kerabat**, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin...” (Al-Baqarah: 83)

“Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan **memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya**, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta...” (Al-Baqarah: 177)

<sup>31</sup>Lihat Mahjabeen Ahmad (2017), *Muslim Aged Care: A Practical Guide for Service Providers*, Adelaide: Tanpa penerbit; Fuad `Abd Al-Mun`im Ahmad (1424H), “Al-Musinnun: Huququhum Wa Wajibatuhum Fi Al-Islam”, *Al-Majallah Al-`Arbiyah Li Al-Dirasat Al-Amniyah Wa Al-Tadrib*; Bensaid and Grine (2014); Ahmad and Khan (2016).

<sup>32</sup>Yasin, Mubaraak dan Jani (2016); Al-Qaradhawi (2009).

Perhatian terhadap aspek ini dapat dilihat dari doa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w,

“Ya Allah, aku berlindung padaMu dari rasa sedih dan gelisah, dari sifat lemah dan malas, dari sikap pengecut dan bakhil, **dan dari cengkaman hutang** dan penindasan orang.” (Riwayat Al-Bukhari)

Memohon perlindungan dari cengkaman hutang bermaksud anjuran untuk pengukuhan ekonomi dan pengurusan kewangan yang baik kerana, biasanya, seseorang itu berhutang bila dia tidak mempunyai harta yang cukup untuk memenuhi keperluan diri hingga kemudiannya menjadi terbeban disebabkan terlalu banyak hutang.

Hadis yang menganjurkan Muslim memanfaatkan lima perkara sebelum kedatangan lima yang sebaliknya juga terkandung aspek persiapan sudut ekonomi, iaitu “[**rebut**] **masa kaya, sebelum datang masa miskin**”. Dalam hal ini, program-program yang menjurus pada menabung bagi usia tua dan setelah bersara amat bersesuaian dengan ajaran Islam.

Ketiga ialah aspek kesihatan.<sup>33</sup> Perhatian terhadap aspek ini juga dapat dilihat dari doa yang diajarkan Rasulullah s.a.w agar dijauhi *al-haram* yang telah disebutkan di atas.

Demikian juga doa “[**rebut**] **masa sihat, sebelum datang masa sakit**” yang juga disebut di atas. Sihat dalam hadis ini boleh difahami juga dengan keadaan diri yang masih kuat semasa usia muda dan sakit pula ialah keadaan diri yang sudah lemah ketika usia tua. Perkara ini juga jelas kerana soal kemerosotan daya kekuatan tubuh dan kesihatan adalah satu aspek yang amat berkaitan dengan penuaan dan diketahui umum pula.

### **Tanggungjawab siapa?**

Setelah disabitkan di atas bahawa persiapan dan pengurusan penuaan adalah anjuran agama Islam, isu asasi selanjutnya ialah siapakah yang bertanggungjawab menangani isu penuaan di kalangan masyarakat Muslim?

Dari pembacaan dan kefahaman dari dalil-dalil syarak dan karya ilmuwan berkaitan isu ini, empat golongan dapat dikenalpasti memikul tanggungjawab dalam persoalan persiapan dan pengurusan penuaan jatuh pada golongan berikut;

- individu Muslim
- ahli keluarga
- masyarakat
- negara<sup>34</sup>

---

<sup>33</sup>Al-Zubaidi (2012); Al-Badr (2011).

<sup>34</sup>Lihat Muhammad Ahmad Al-Qudhah dan `Abir `Abd Al-Aziz `Arif Al-Tamimi (2012), “Haq Al-Musin Fi Ri`ayat Al-Ushrah Fi Al-Shari`ah Al-Islamiyah Wa Al-Mawathiq Al-Dawliyah”, *Al-Majallah Al-*



Islam meletakkan tanggungjawab utama dalam soal persiapan dan pengurusan usia tua di bahu setiap individu Muslim kerana ia adalah fenomena yang berlaku di peringkat individu. Hal ini dapat dilihat pada doa yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. Ia adalah doa yang dianjurkan sebagai amalan setiap individu. Hadis yang menganjurkan merebut lima keadaan sebelum kedatangan lima keadaan yang berlawanan juga ditujukan kepada setiap individu.

Oleh itu, Islam mempertanggungjawabkan setiap individu untuk memainkan peranan, merancang dan mengurus hari tuanya tanpa terlalu menjejaskan kualiti hidupnya hingga membebankan diri dan orang lain.

Namun adakalanya seseorang individu tidak mampu, gagal atau hilang upaya untuk menjaga kebajikan dirinya di usia tua. Dalam hal ini, tanggungjawab menjaga kebajikannya perlu dipikul atau dibantu oleh orang lain.

Di kalangan orang lain, Islam meletakkan tanggungjawab tentang isu yang dibicarakan ini di bahu ahli keluarga berdasarkan keakraban hubungan darah. Maka yang paling bertanggungjawab ialah anak dan kemudian pasangannya yang masih berkeupayaan dan seterusnya dari kaum kerabat yang lain.<sup>35</sup>

Tanggungjawab ke atas anak disebut dalam pelbagai ayat Al-Quran yang memerintah anak berlaku baik kepada ibu bapa mereka apabila mereka berada di usia tua (Al-Isra': 23-4 dan Luqman: 14-5). Hadis berkaitan perkara ini juga banyak. Disebut di bawah ini satu sebagai contoh sahaja,

“Sungguh terhina, sungguh terhina, sungguh terhina.” Ada yang bertanya, “Siapa, wahai Rasulullah?” Beliau bersabda, “**(Sungguh hina) seorang yang mendapati kedua orang tuanya yang masih hidup atau salah satu dari keduanya ketika mereka telah tua, namun justru ia tidak masuk syurga.**” (Riwayat Muslim)

Pasangan (suami atau isteri) yang masih mempunyai keupayaan pula adalah kerana ia adalah ahli keluarga yang terdekat. Maka selama mana ia masih mampu membantu pasangannya yang lemah kerana usia, ia bertanggungjawab untuk melakukannya.

Kerabat yang lain pula adalah kerana ia adalah hak silaturahmi yang Islam menuntut ditunaikan oleh Muslim terhadap mana-mana kerabatnya yang memerlukan bantuan.

Di dalam Al-Quran juga ada menyebut firman Allah taala,

---

*Urduniyah Fi Al-Dirasat Al-Islamiyah*, 8:1; Al-Zubaidi (2012); Al-Sadhan (1999), ms. 24-52; Yasin, Mubaraak dan Jani (2016); Said (1989).

<sup>35</sup>Bensaid and Grine (2014), ms. 150-5.

“...**Orang-orang yang mempunyai hubungan itu sebahagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang kerabat)** di dalam kitab Allah...” (Al-Anfal: 75)

“...Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, **dan (peliharalah) hubungan silaturahmi...**” (Al-Nisa’: 1)

“...dan **berbuat baiklah kepada ibu bapak, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin...**” (Al-Baqarah: 83)

“Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi **sesungguhnya kebajikan** itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan **memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta...**” (Al-Baqarah: 177)

Dalam ayat-ayat di atas, Allah taala memerintah Muslim menunaikan hak ke atas kaum kerabat yang meliputi membantu mereka apabila berada dalam kesulitan atau lemah dan Allah taala juga menyebut ahli kerabat dahulu sebelum golongan lain yang perlu dibantu.

Setelah ahli keluarga, amanah membela warga tua hendaklah dipikul oleh masyarakat sebagai satu fardu kifayah yang wajib ditunaikan.

Hal ini kerana membela nasib warga tua termasuk di dalam makna melakukan *al-ma`ruf, al-khair* dan *al-bir*, iaitu melakukan perkara kebaikan atau amal soleh yang menjadi sifat umat Islam dalam firman Allah taala,

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang **menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf** dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.” (Ali Imran: 104)

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, **menyuruh kepada yang makruf**, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah...” (Ali Imran: 110)

“**Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa**, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran...” (Al-Maidah: 2)

Kesemua ayat ini menggunakan kataganti *antum* (kamu) yang merujuk kepada ramai. Ia member makna bahawa tugas ini adalah tugas kolektif yang perlu ditunaikan sebagai satu masyarakat, bukan hanya dilakukan oleh individu sahaja.

Dalam hadis, Rasulullah s.a.w memerintahkan Muslim bukan hanya berbuat baik kepada ibubapanya tetapi juga kepada teman-teman ibubapanya. Rasulullah s.a.w bersabda, sebagai menjawab soalan mengenai berbakti kepada ibu bapa yang telah meninggal dunia, “mengirim doa (mendoakan) dan memohon ampunan kepada Allah, menepati janji dan nazar yang pernah dibuat oleh ibubapa, **memelihara hubungan silaturahim serta memuliakan kawan dan kerabat ibubapamu.**” (Riwayat Abu Dawud).

Oleh kerana, pada umumnya, teman-teman ibubapa seseorang berusia sebaya, ini sekali gus berupa anjuran agar Muslim sebagai individu turut menyumbang dalam membela nasib golongan tua yang bermula dengan raka sebaya ibubapa mereka. Ini juga untuk menanam nilai bahawa seorang Muslim bukan hanya perlu menjaga kaum kerabat yang dekat yang memerlukan bantuan, tapi juga perihatin terhadap nasib orang lain. Bersama Muslim yang lain, sikap ini diterjemahkan dalam pelbagai inisiatif kemasyarakatan pula.

Secara amali pada hari ini, amanah dan tanggungjawab ini dipikul oleh badan-badan bantu diri Islam di Singapura seperti Muhammadiyah, Jamiyah dan Pertapis yang telah pun memainkan perannya. Dalam konteks ini juga, masjid-masjid boleh juga digembeling untuk turut menyumbang dalam persoalan ini.

Akhir sekali tanggungjawab menangani warga tua adalah di bahu negara berdasarkan sikap Rasulullah s.a.w yang mengiklankan kepada orang ramai bahawa dia (selaku ketua umat Islam dan pemimpin mereka) akan mengambil alih apa jua beban yang tidak mampu ditunaikan oleh Muslim seperti hutang si mati yang tidak dapat dilangsaikan. Sabda beliau s.a.w, “Saya lebih utama [dalam menjaga hak Muslim] dari dirinya sendiri. Sesiapa yang meninggalkan harta, ia menjadi hak para warisnya. **Tetapi sesiapa yang meninggalkan hutang dan ..., ia kembali kepada aku dan menjadi tanggungjawab aku.**” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Tanggungjawab ini juga dipikul kerana negara, dalam Islam, adalah institusi yang bertanggungjawab untuk mengurus Baitul Mal, iaitu harta umum yang meliputi juga wang zakat yang dikutip untuk disalurkan kepada asnaf yang layak yang termasuk membela warga tua samada sebagai fakir, miskin atau fi sabilillah.

Perkara ini pula telah dicontohkan oleh saidina Umar dalam sejarah bahawa beliau pernah terjumpa seorang tua Yahudi meminta sedekah. Apabila diberitahu bahawa dia melakukannya kerana untuk menyara hidup dan membayar jizyah, saidina Umar r.a. memerintahkan pegawainya untuk memberi Yahudi tua itu sara hidup dari Baitul Mal dan mengecualikannya dari jizyah dan cukai-cukai lain seraya berkata, “Tidak wajar bagi kita membiarkan dia terlantar di usia tua, sedangkan kita kutip cukai darinya semasa usia mudanya.”<sup>36</sup>

Imam Abu Yusuf dalam bukunya Al-Kharaj meriwayatkan kandungan perjanjian Khalid bin Al-Walid r.a., selaku ketua tentera Islam, dengan orang-orang Kristian di Al-Hirah, Iraq,

<sup>36</sup>Al-Sadhan (1999), ms. 150; Sa'id (1989), ms. 32 and 35-6;

“Mana-mana orang tua yang lemah dari bekerja atau ditimpa sakit atau dahulunya kaya tapi telah menjadi miskin dan saudara-saudara seagamanya bersedekah kepadanya, dihapuskan jizyah dari dia dan dibantu hidupnya dan keluarganya dari Baitul Mal selama mana dia tinggal di daerah kekuasaan Islam.”<sup>37</sup>

Dalam konteks kehidupan di Singapura, kebajikan warga tua sememangnya satu tugas yang telah sedia dipikul oleh pemerintah Singapura. Pelbagai perancangan dan pelaksanaan polisi sedang diusahakan melalui pelbagai agensi pemerintah yang mana ia dapat dan perlu dimanfaatkan oleh badan-badan Islam dan masjid-masjid bagi melaksanakan amanah yang dinyatakan di atas. Turut berada di bawah kategori ini ialah Muis selaku salah satu agensi pemerintah yang juga bertanggungjawab dalam mengurus Baitul Mal dan wang zakat yang meliputi penjagaan hak kebajikan warga tua Muslim.

## **Penutup**

Islam memberi perhatian mengenai isu penuaan di kalangan umat manusia. Penuaan bukan dilihat sebagai satu fenomena tabi’ii yang harus diterima dan dihadapi secara pasif. Sebaliknya, Islam anjurkan Muslim mengambil langkah proaktif untuk mempersiapkan diri dan masyarakat bagi menghadapi penuaan melalui perancangan dan pengurusan usia tua yang rapi. Ia adalah satu kewajiban yang diamanahkan ke atas setiap Muslim secara individu dan secara kolektif sebagai satu masyarakat serta mereka yang diberikan kuasa ke atas urusan masyarakat umum.

Atas dasar ini, usaha menangani isu penuaan oleh badan-badan Islam dan masjid-masjid perlulah digalakkan.

Langkah pertama ialah dengan memahami idea asas tentang Islam dan isu penuaan sebagai dasar yang dibangun di atasnya pelbagai program berkaitan penuaan.

Semoga kertas ini telah berjaya memberi sumbangan ke arah ini.

---

<sup>37</sup>Al-Qaradhawi (2009), ms. 10-1.